

11 DEC 1996

Mahathir-Wakil

PM MAHU WAKIL RAKYAT BN JAGA KEPENTINGAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) tidak terlalu yakin dengan kejayaan BN kerana mempunyai majoriti besar di Dewan Rakyat.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, mahu mereka terus berkhidmat dan berbakti kepada rakyat supaya BN dapat terus kekal menerajui kerajaan agar hasrat negara untuk mencapai status negara industri dicapai pada tahun 2020.

"Setakat ini kita telah berjaya dan saya berharap dengan sokongan wakil rakyat kepada kerajaan, BN akan terus kekal (memerintah negara)," kata beliau ketika berucap pada majlis makan malam anggota-anggota Parlimen di pekarangan Parlimen di sini malam ini.

Yang turut hadir pada majlis anjuran Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan itu ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, isteri beliau, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Zahir Ismail dan Yang DiPertua Dewan Negara Tan Sri Mohamad Yaacob.

Dr Mahathir berkata wakil rakyat harus memahami bahawa jawatan mereka bukan setakat digelar "Yang Berhormat" tetapi ia sebenarnya membawa banyak tanggungjawab dan komitmen.

Perdana Menteri yakin wakil rakyat BN akan terus bekerja keras untuk menjayakan BN agar populariti kerajaan kekal.

Beliau berkata ramai orang ingin menjadi anggota Parlimen tetapi apabila memegang jawatan itu, mereka merungut kerana elaun tidak mencukupi.

Dr Mahathir berkata beliau bagaimanapun gembira kerana wakil rakyat kini peka bukan sahaja terhadap perkara-perkara yang melibatkan Dewan Rakyat tetapi masalah dan penderitaan orang ramai.

Beliau memberi contoh mengenai kesediaan wakil-wakil rakyat dalam mengumpul derma untuk beberapa tabung amal.

"Ini menunjukkan bahawa wakil-wakil rakyat sekarang ada duit," kata beliau secara berseloroh.

Beliau juga merasa bangga kerana Malaysia kini sedikit sebanyak telah menebus maruahnyanya dan tidak lagi dilihat sebagai sebuah negara terpencil.

Dr Mahathir berkata negara kini ditadbir dengan baik sehingga beliau dan Anwar kadang-kala boleh ke luar negara untuk tugas rasmi pada masa yang sama.

Pada majlis itu, Dr Siti Hasmah, selaku Penaung Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), menerima cek olok-olok berjumlah RM175,000 daripada beberapa orang wakil rakyat untuk Bakti dan Yayasan Aids Malaysia.

Sesuatu yang unik pada majlis tahun ini ialah kehadiran wakil rakyat pembangkang Tan Seng Giaw, anggota Parlimen Kepong. -- BERNAMA

ES AKD